

Empat universiti layak mohon sua akreditasi

EMPAT universiti penyelidikan antara institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan layak memohon status sua akreditasi yang membolehkan ia mengakreditasi program pengajian sendiri, kerana mempunyai mekanisme jaminan kualiti dalaman yang mantap.

Sehubungan itu, Ketua Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Datuk Dr Syed Ahmad Hussein, berkata universiti penyelidikan terbabit iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia mungkin antara IPT paling awal ditawarkan untuk memohon status itu.

Beliau menjelaskan MQA akan menjalankan proses audit institusi terhadap IPT yang membuat permohonan berdasarkan saranan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ia dianugerahkan status sua akreditasi.

"Buat permulaan, antara calon utama yang dipertimbangkan dalam penawaran status sua akreditasi ialah IPT yang sudah lama wujud atau cawangan universiti antarabangsa yang mendapat status itu di negara asal.

"Kita boleh mulakan dengan universiti penyelidikan yang mempunyai mekanisme jaminan kualiti dalaman yang kukuh. Dengan itu, MQA hanya perlu menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan mutu pengajian IPT terbabit tidak terjejas.

"Kementerian Pengajian Tinggi menjemput IPT terpilih untuk me-

mohon status itu dan MQA akan menjalankan audit institusi terhadap IPT yang membuat permohonan bagi memastikan ia benar-benar layak mendapatnya," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Syed Ahmad berkata, antara perediaan yang akan dibuat tahun depan bagi menawarkan status berkenaan kepada IPT terpilih ialah merangka dasar mengenainya serta melancarkan siri latihan untuk kakitangan dan penilai MQA.

Katanya, program latihan berkenaan akan dijalankan dengan kerjasama New Zealand Qualification Agency (NZQA), Quality Assurance Agency United Kingdom (QAA UK) dan Australian University Qualification Agency (AUQA).

"Siri latihan ini akan dijalankan sepanjang tahun depan bagi meningkatkan profesionalisme kakitangan dan penilai terbabit menerusi bengkel kendalian pegawai tiga badan penilaian antarabangsa itu supaya peserta didedahkan perkembangan terbaru mengenai penilaian IPT.

"Ia turut membabitkan penghantaran pegawai kami mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam bidang penilaian di universiti luar negara," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga bercadang menubuhkan rangkaian agensi jaminan kualiti Asean dengan tumpuan dalam bidang latihan serta pewujudan panel penilaian antarabangsa supaya hasil penilaian MQA diiktiraf peringkat global.

Berita harian

25 Disember 2007.